

20 JAN 2003

Mahathir-Berlepas (Bergambar)

DR MAHATHIR BERLEPAS UNTUK LAWATAN KE LEBANON, MESIR

KUALA LUMPUR, 20 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berlepas untuk melakukan lawatan rasmi selama empat hari ke Lebanon dan Mesir.

Dr Mahathir ditemani isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dalam lawatan itu.

Mereka berlepas dari Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang pada pukul 8.25 pagi.

Antara yang berada di situ untuk mengucapkan selamat jalan ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Endon Mahmood, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Dalam lawatan ke Lebanon hari ini dan esok, Perdana Menteri akan mengunjungi rakan sejawatannya Rafic Hariri di Beirut untuk bertukar-tukar pendapat mengenai isu kepentingan bersama dua hala, serantau dan antarabangsa.

Kedua-dua perdana menteri dijangka menyaksikan penandatanganan dokumen kerjasama dalam pelbagai bidang.

Dr Mahathir akan menyampaikan ucapan kepada anggota Parlimen Lebanon, golongan kenamaan negara dan pemimpin korporat pada satu majlis jamuan tengah hari yang dihoskan Hariri.

Di ibu negara Mesir, Kaherah, Dr Mahathir dijadual mengunjungi Presiden Hosni Mubarak dan Perdana Menteri Dr Atef Muhammad Muhammad Ebeid untuk berbincang pelbagai perkara serantau dan antarabangsa.

Ini termasuk menyentuh persiapan Malaysia menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 pada 20 hingga 25 Feb dan Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada 16 hingga 18 Okt.

Semasa di Kaherah, Dr Mahathir juga akan menemui Syeikhul Al-Azhar, Dr Mohamed Sayed Tantawi dan menyampaikan ceramah kepada penuntut antarabangsa, cendekiawan dan ahli akademik Universiti Al-Azhar.

-- BERNAMA

AZH MFJ RON